

03/02/2005

Cerita pengkorporatan KOAM harus jadi bahan cemburu

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed sudah 'membuka pintu' bagi amalan sistem pengkorporatan atau pun penswastaan semasa era kepemimpinannya dulu dan ia diterima secara positif.

Dari situ badan kerajaan seperti Jabatan Telekom, Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Pos, umpamanya membuat langkah awal dengan tujuan mengubah imej dan ketika sama mencari keuntungan sendiri.

Tidak dinafikan selepas lebih sedekad agensi kerajaan ini yang menjadi jambatan perkhidmatan penting kepada masyarakat kini menuai hasil tanpa mengharapkan subsidi kerajaan, tambahan menjadi cekap dan inovatif.

Apabila Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) difahamkan mahu menuju ke arah pengkorporatan, baru-baru ini ia sekadar menceritakan senario sukan negara.

Sebagai antara badan sukan paling tua di negara ini, ilham daripada pemimpin mereka harus dipuji kerana mahu berdikari tanpa mengharapkan bantuan kewangan daripada Majlis Sukan negara (MSN).

Tidak dinafikan ada segelintir persatuan sukan kebangsaan sudah mengamalkan era pengkorporatan atau mirip kepadanya. Cuma belum pasti tahap di mana mereka berada.

Contoh terbaik adalah Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) yang tidak banyak mengharapkan bantuan kewangan kerajaan dalam menjana program tempatan dan antarabangsa. Tapi itupun kerana badan itu sudah lama mendapat tajaan lumayan daripada syarikat rokok, Dunhill.

Kini tajaan RM30 juta setahun dijangka berakhir pada 2006 dan belum pasti apakah FAM akan menaruh suatu harapan baru daripada MSN. Harap-harap tidak kerana buat permulaan Telekom Malaysia - badan kerajaan satu ketika dulu - sudah mengikat kontrak penajaan RM8.5 juta setahun.

Tambahan, penubuhan Liga Super Malaysia Sdn Bhd, akhir bulan lalu sebagai syarikat pelaburan boleh meniti kejayaan sekalipun keputusan belum diketahui lagi. Mungkin dalam tempoh setahun lagi kita boleh membaca sesuatu yang positif.

Berbalik kepada KOAM. Apa dilaporkan adalah badan itu tidak lagi berniat menunggu pihak penajaan tampil memberi bantuan kewangan sebaliknya mahu menubuhkan syarikat pelaburan sendiri menjana tabungan mereka.

Dari satu sudut pandangan, ia perkembangan menarik dan jika banyak lagi persatuan dapat bergerak sama ke arah pengkorporatan hanya sukan akan beruntung pada masa depan - bukan hanya atlit.

Selama ini pun KOAM kerap ada perselisihan faham dengan MSN tapi kerap kali kedua-dua badan itu akan kembali berdamai. Apapun, mesej di sini adalah hanya kerana wang MSN tidak harus dijadikan saluran sebagai penyelamat mereka sebaliknya berdikari mencari perbelanjaan sendiri.

Hakikatnya, dengan kepakaran yang dimiliki KOAM, umpamanya mereka dapat lebih maju dengan tabungan sendiri daripada MSN dijadikan sumber mereka setiap kali ada program dan perancangan atlit negara.

Bicara ini juga mengingatkan kepada betapa Persekutuan Hoki Malaysia (PHM) yang memiliki segala kekayaan pentadbiran dan kemahiran pengurusan bergantung hampir 100 peratus kepada MSN.

Jika amalan itu berterusan bererti program mereka akan dikawal MSN dan segala perancangan profesional mungkin terbantut. Mungkin PHM tidak akan belajar kerana ibarat sudah lama disuap dan malas makan dengan tangan sendiri. Ini bukan salah MSN tapi badan induk itu sendiri kerana tidak mahu mencari tabungan ketika ruang mendapatkan kewangan ada berasaskan

reputasi PHM di pentas antarabangsa.

Harap pegawai mereka ada mendengar hajat terbaru daripada KOAM, begitu juga persatuan kebangsaan yang lain agar amalan berdikari wujud dalam sukan di dunia pengkorporatan ini. Lubuk emas sedia ada di depan mata mereka. Terserah kepada persatuan masing-masing mencarinya.

(END) Source : Berita Harian